



# 1954 CONVENTION ON THE PROTECTION OF CULTURAL PROPERTY IN THE EVENT OF ARMED CONFLICT AND ITS PROTOCOLS



Military operations have often resulted in the destruction of irreplaceable cultural property, a loss not only to the country of origin but also to the cultural heritage of all people. Recognizing the significance of this loss, the international community adopted the 1954 Hague Convention for the Protection of Cultural Property in the Event of Armed Conflict (CCP). A Protocol dealing with cultural property during times of occupation (P1) was adopted at the same time as the 1954 Convention. Although the 1954 Convention strengthens protection for cultural property, its provisions have not always been adequately implemented. To address this problem, a second Protocol to the 1954 Convention (P2) was adopted on 26 March 1999. The two Protocols of 8 June 1977 additional to the Geneva Conventions also contain provisions protecting cultural property (Additional Protocol I, Arts 38, 53 and 85, and Additional Protocol II, Art. 16). Adherence to each of the foregoing instruments is essential to preserving objects precious to all humanity. Finally, it should be stressed that cultural property is also protected as a civilian object (Additional Protocol I, Art. 52(2)).

## CULTURAL PROPERTY

Cultural property is any movable or immovable property of great importance to the cultural heritage of a people, such as monuments of architecture or history, archaeological sites, works of art, books or any building whose main and effective purpose is to contain cultural property (CCP, Art. 1).

## IDENTIFICATION

Cultural property should be identified with the emblem defined in the 1954 Convention, pictured above (CCP, Arts 16 and 17).

## SYSTEMS OF PROTECTION

Parties to the Convention must protect all cultural property, whether their own or that situated in the territory of other States Parties. The various systems that provide protection for cultural property are described below:

### **General protection**

All cultural property must be afforded, at minimum, “general protection,” as described in the Convention.

#### *Protection*

Parties to the Convention must safeguard their own cultural property against foreseeable effects of armed conflict (CCP, Art. 3).

States Parties must also respect all cultural property by:

1. not using cultural property for any purpose likely to expose it to destruction or damage in the event of armed conflict;
2. not directing any act of hostility against cultural property;
3. prohibiting, preventing and, if necessary, putting a stop to any form of theft, pillage or misappropriation of, and any acts of vandalism directed against, cultural property; and,
4. refraining from requisitioning movable cultural property situated in the territory of another State Party (CCP, Art. 4).

“Parties to the Convention must protect all cultural property, whether their own or that situated in the territory of other States Parties.”

#### *Exception*

The obligation to respect all cultural property, described above, may be waived on the basis of imperative military necessity (CCP, Art. 4).

This waiver may be invoked:

1. to use cultural property for purposes likely to endanger it, only if there is no feasible alternative available to obtain a similar military advantage (P2, Art. 6);
2. to attack cultural property, only when that property has, by its function, been made into a military objective and there is no feasible alternative available to obtain a similar military advantage. Effective advance warning must be given, circumstances permitting (P2, Art. 6).

#### *Precautions*

Parties to the Convention must, to the maximum extent feasible, either move cultural property away from military objectives or avoid placing military objectives near such property (P2, Art. 8).

In addition, parties to a conflict must do everything feasible to protect cultural property, including refraining from an attack that may cause incidental damage (P2, Art. 7).

### *Occupied territory*

Under the Convention, States Parties occupying the territory of another State Party are required to preserve, as far as possible, cultural property in that territory (CCP, Art. 5).

In particular, the 1954 Protocol requires States Parties occupying territory during an armed conflict to prevent the exportation of cultural property from that territory (P1, Para. 1). However, if cultural property is exported, States Parties must return it at the close of the hostilities (P1, Para 3).

Under the Second Protocol of 1999, States Parties occupying foreign territory must prohibit and prevent, in relation to the occupied territory, the following:

1. “any illicit export, other removal or transfer of ownership of cultural property”;
2. “any archaeological excavation, save where this is strictly required to safeguard, record or preserve cultural property”;
3. “any alteration to, or change of use of, cultural property which is intended to conceal or destroy cultural, historical or scientific evidence” (P2, Art. 9(1)).

In addition “any archaeological excavation of, alteration to, or change of use of, cultural property in occupied territory shall, unless circumstances do not permit, be carried out in close co-operation with the competent national authorities of the occupied territory” (P2, Art. 9(2)).

### **Special protection**

The 1954 Convention provides a system of ‘special protection’. The placing of cultural property under special protection grants that property immunity from any act of hostility, and from any use, including that of its surroundings, for military purposes (CCP, Art. 9). To be placed under special protection, the cultural property must not be used for military purposes and must be situated at an adequate distance from military objectives.

Under the CCP, the obligation to respect all cultural property may be waived on the basis of imperative military necessity.

Because the system of special protection resulted in only limited success, the Second Protocol introduced a new system of ‘enhanced protection’ (see below).

If property has been granted both special and enhanced protection, only the provisions on enhanced protection apply (P2, Art. 4).

### **Enhanced protection**

The Second Protocol, as has already been noted, provides a system of ‘enhanced protection’ for certain cultural objects (P2, Art. 11). This enhanced protection is granted by the Committee for the Protection of Cultural Property in the Event of Armed Conflict (Committee), on the request or the recommendation of States Parties, the International Committee of the Blue Shield or other non-governmental organizations with relevant expertise. Cultural property under enhanced protection is placed on the “List of Cultural Property under Enhanced Protection” (List), established, maintained and promoted by the Committee (P2, Art. 27).

### *Criteria for protection*

To be granted enhanced protection, cultural property must meet the following three criteria (P2, Art. 10):

1. it is cultural heritage of the greatest importance to humanity;
2. it is protected by domestic measures that recognize its cultural and historical value and ensure the highest level of protection;
3. it is not used for military purposes or to shield military sites, and the Party that has control over the property has formally declared that it will not be so used.

The Second Protocol to the CCP provides a system of ‘enhanced protection’ for certain cultural objects.

### *Protection*

Parties holding property included on the List must not use such property or its immediate surroundings in support of military action (P2, Art. 12). There is no exception to this obligation.

Parties to the Convention must also refrain from attack against property on the List (P2, Art. 12).

### *Exception*

The obligation not to attack property on the List does not apply if such property has, by virtue of its use, become a military objective. Attack is permitted only if it is the only feasible means of terminating such use and if precautions are taken to minimize damage to the property. Effective advance warning must be given, circumstances permitting (P2, Art. 13).

## **MEASURES AND MECHANISMS TO PROMOTE IMPLEMENTATION AND ENSURE COMPLIANCE**

The Convention and the Second Protocol include some measures and mechanisms for promoting their implementation and for ensuring that their provisions are respected. Some of these may necessitate the adoption of domestic legislation.

### **Reporting obligations**

States Parties must produce, at least once every four years, a report giving information on the measures they have taken, prepared or contemplated in fulfilment of the Convention (CCP, Art. 26(2)).

---

States Parties must produce, at least once every four years, a report giving information on the measures they have taken, prepared or contemplated in fulfilment of the Convention submitted to the Director-General of UNESCO.

The reports must be submitted to the Director-General of UNESCO. This reporting obligation was reasserted in Article 37(2) of the Second Protocol, which requires the Parties to submit to the Committee, every four years, a report on the implementation of the Protocol. This submission is done through the UNESCO Secretariat. In practice, States party to the Second Protocol combine their reports on the Convention and this Protocol and submit one overall report to the Committee; however, the implementation of this reporting obligation has been very sporadic.

### **Criminal responsibility and jurisdiction**

Parties to the Convention must take all necessary steps to prosecute and impose sanctions on all persons who violate its provisions (CCP, Art. 28).

States party to the Second Protocol must ensure that the following are offences under domestic law (P2, Art. 15):

1. making cultural property under enhanced protection the object of attack;
2. using cultural property under enhanced protection or its immediate surroundings in support of military action;
3. extensive destruction or appropriation of protected cultural property;
4. making protected cultural property the object of attack;
5. theft, pillage or misappropriation of, or acts of vandalism directed against, protected cultural property.

Each State Party must ensure that its legislation establishes jurisdiction when the offence is committed in its territory, when the alleged offender is a national of that State, and — in relation to the first three offences — when the alleged offender is present in its territory (P2, Art. 16).

### **Dissemination**

Parties to the 1954 Convention and its Protocols must disseminate the treaty provisions as widely as possible, seeking to strengthen appreciation and respect for cultural property among the general population (CCP, Art. 25; P2, Art. 30). Particular effort should be made to disseminate information among the armed forces and among personnel engaged in the protection of cultural property.

---

Parties to the Convention must take all necessary steps to prosecute and impose sanctions on all persons who violate its provisions.

More information on the protection of cultural property in the event of armed conflict can be found on the UNESCO website: <http://www.unesco.org/new/en/culture/themes/armed-conflict-and-heritage/>



### MISSION

The International Committee of the Red Cross (ICRC) is an impartial, neutral and independent organization whose exclusively humanitarian mission is to protect the lives and dignity of victims of armed conflict and other situations of violence and to provide them with assistance. The ICRC also endeavours to prevent suffering by promoting and strengthening humanitarian law and universal humanitarian principles. Established in 1863, the ICRC is at the origin of the Geneva Conventions and the International Red Cross and Red Crescent Movement. It directs and coordinates the international activities conducted by the Movement in armed conflicts and other situations of violence.

 @ICRCmy  
 @ICRC\_my  
 [www.icrc.org](http://www.icrc.org)



ICRC

International Committee of the Red Cross  
L11, Wisma UOA Damansara, Jalan Dungun,  
Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia.  
T 03-2084 1800  
Email : [kua\\_kualalumpur@icrc.org](mailto:kua_kualalumpur@icrc.org)  
© January 2022



# KONVENSYEN MENGENAI PERLINDUNGAN HARTA BENDA BUDAYA DALAM KONFLIK BERSENJATA 1954 DAN PROTOKOL-PROTOKOLNYA



Operasi ketenteraan sering mengakibatkan kemusnahan harta benda budaya yang tidak dapat diganti, suatu kehilangan bukan sahaja kepada negara asalnya tetapi juga kepada warisan kebudayaan semua manusia. Menyedari betapa pentingnya kehilangan ini, masyarakat antarabangsa telah menerima pakai Konvensyen Hague mengenai Perlindungan Harta Benda Budaya dalam Konflik Bersenjata (CCP) 1954. Suatu Protokol untuk menangani perlindungan harta benda budaya semasa pendudukan (P1) juga telah diterima pakai pada masa yang sama dengan Konvensyen 1954. Walaupun Konvensyen 1954 mengukuhkan perlindungan harta benda budaya, peruntukannya tidak selalu dilaksanakan dengan secukupnya. Bagi mengatasi masalah ini, Protokol Kedua kepada Konvensyen 1954 (P2) diterima pakai pada 26 Mac 1999. Dua Protokol bertarikh 8 Jun 1977 yang merupakan tambahan kepada Konvensyen-Konvensyen Geneva juga mengandungi peruntukan-peruntukan yang melindungi harta benda budaya (Protokol Tambahan I, Perkara-Perkara 38, 53 dan 85, dan Protokol Tambahan II, Perkara 16). Mematuhi setiap instrumen tersebut adalah mustahak dalam memelihara objek yang berharga bagi kemanusiaan. Akhirnya, harta benda budaya juga dilindungi sebagai suatu objek awam (Protokol Tambahan I, Perkara 52 (2)).

## HARTA BENDA BUDAYA

Harta benda budaya ialah apa-apa harta benda boleh alih atau tidak boleh alih yang sangat penting kepada warisan kebudayaan sesuatu masyarakat seperti monumen seni bina atau sejarah, tapak arkeologi, karya seni, buku atau apa-apa bangunan yang mana fungsi utama dan hakikinya adalah untuk menyimpan harta benda budaya (CCP, Perkara 1).

## PENGENALPASTIAN

Harta benda budaya harus dikenal pasti dengan lambang yang ditakrifkan dalam Konvensyen 1954 seperti yang digambarkan di atas (CCP, Perkara-Perkara 16 dan 17).

## SISTEMPERLINDUNGAN

Negara-Negara Pihak kepada Konvensyen hendaklah melindungi semua harta benda budaya, sama ada milik mereka sendiri atau yang terletak di wilayah sesuatu Negara Pihak yang lain. Pelbagai sistem yang memberikan perlindungan bagi harta benda budaya diterangkan di bawah:

### *Perlindungan Am*

Semua harta benda budaya mesti diberi, sekurang-kurangnya, “perlindungan am,” sebagaimana yang diterangkan dalam Konvensyen ini.

### *Perlindungan*

Negara-Negara Pihak kepada Konvensyen hendaklah melindungi harta benda budaya mereka sendiri daripada kesan-kesan konflik bersenjata (CCP, Perkara 3).

Negara-Negara Pihak hendaklah menghormati semua harta benda budaya dengan:

1. tidak menggunakan harta benda budaya bagi apa-apa maksud yang boleh mendedahkannya kepada kemusnahan atau kerosakan dalam keadaan sesuatu konflik bersenjata;
2. tidak mengarahkan tindakan pertempuran terhadap harta benda budaya;
3. melarang, mencegah dan, jika perlu, menghentikan segala bentuk pencurian, rampasan atau penyelewengan, dan sebarang tindakan vandalisme terhadap harta benda budaya; dan,
4. menahan diri daripada merekuisisi harta benda budaya boleh alih yang terletak di dalam wilayah Negara Pihak yang lain (CCP, Perkara 4).

**Negara-Negara Pihak kepada Konvensyen hendaklah melindungi semua harta benda budaya, sama ada milik mereka sendiri atau yang terletak di wilayah sesuatu Negara Pihak yang lain.**

### *Pengecualian*

Kewajipan untuk menghormati semua harta benda budaya yang diterangkan di atas boleh diketepikan atas dasar keperluan ketenteraan imperatif (CCP, Perkara 4).

Pengecualian ini boleh dibangkitkan:

1. untuk menggunakan harta benda budaya bagi maksud yang boleh membahayakannya, hanya jika tiada alternatif lain untuk mencapai kelebihan ketenteraan yang serupa (P2, Perkara 6);
2. untuk menyerang harta benda budaya, hanya apabila harta benda itu, oleh sebab fungsinya, dijadikan sebagai objektif ketenteraan dan tidak ada alternatif yang boleh dilaksanakan untuk memperoleh kelebihan ketenteraan yang serupa. Amaran awal yang berkesan mesti diberikan, jika keadaan mengizinkan (P2, Perkara 6).

### *Langkah berjaga-jaga*

Negara-Negara Pihak kepada Konvensyen mesti dengan sejauh mungkin menjauhkan harta benda budaya daripada objektif ketenteraan atau mengelakkan objektif ketenteraan diletakkan berhampiran dengan harta tersebut (P2, Perkara 8).

Di samping itu, pihak-pihak kepada suatu konflik hendaklah melakukan segala yang mungkin untuk melindungi harta benda budaya, termasuk menahan diri daripada serangan yang boleh menyebabkan kerosakan yang tidak disengajakan (P2, Perkara 7).



### *Wilayah diduduki*

Dibawah Konvensyen ini, Negara-Negara Pihak yang menduduki wilayah Negara Pihak yang lain dikehendaki memelihara, sebanyak mungkin, harta benda budaya di wilayah tersebut (CCP, Perkara 5).

Secara khususnya, Protokol 1954 menghendaki Negara-Negara Pihak yang menduduki wilayah semasa suatu konflik bersenjata untuk mencegah pengeksporan harta benda budaya dari wilayah tersebut (P1, Perenggan 1). Walau bagaimanapun, jika harta benda budaya dieksport, Negara Pihak tersebut hendaklah mengembalikannya pada akhir pertempuran (P1, Perenggan 3).

Dibawah Protokol Kedua 1999, Negara-Negara Pihak yang menduduki wilayah asing hendaklah melarang dan mencegah, berhubung dengan wilayah yang diduduki, daripada:

1. “apa-apa eksport haram, pengalihan atau pemindahan milik harta benda budaya”;
2. “penggalian arkeologi, kecuali jika ini sangat diperlukan untuk melindungi, merekod atau memelihara harta benda budaya”
3. “apa-apa pindaan atau perubahan penggunaan harta benda budaya yang bertujuan untuk menyembunyikan atau memusnahkan bukti budaya, sejarah atau saintifik” (P2, Perkara 9 (1)).

Di samping itu, “apa-apa penggalian arkeologi, pindaan, atau perubahan penggunaan harta benda budaya di wilayah yang diduduki hendaklah, melainkan jika keadaan tidak mengizinkan, dilakukan dengan kerjasama erat dengan pihak berkuasa negara yang berwibawa di wilayah yang diduduki” (P2, Perkara 9 (2)).

### **Perlindungan Khas**

Konvensyen 1954 menyediakan sistem “perlindungan khas.” Peletakan harta benda budaya di bawah perlindungan khas memberi harta itu kekebalan daripada apa-apa tindakan pertempuran, dan daripada apa-apa penggunaan,

termasuk yang dilakukan di sekitarnya, untuk tujuan ketenteraan (CCP, Perkara 9). Untuk diletakkan di bawah perlindungan khas, harta benda budaya itu mestilah tidak digunakan bagi tujuan ketenteraan dan hendaklah ditempatkan pada jarak yang mencukupi daripada objektif ketenteraan.

Oleh sebab sistem perlindungan khas hanya mendatangkan hasil yang terhad, Protokol Kedua mula memperkenalkan sistem ‘perlindungan dipertingkatkan’ yang baharu (lihat di bawah).

Jika harta benda itu telah diberi perlindungan khas dan dipertingkatkan, hanya peruntukan-peruntukan tentang perlindungan dipertingkatkan yang terpakai (P2, Perkara 4).

Dibawah CCP, kewajiban untuk menghormati semua harta benda budaya boleh diketepikan atas dasar keperluan ketenteraan yang imperatif.

### **Perlindungan dipertingkatkan**

Protokol Kedua memperuntukkan satu sistem “perlindungan dipertingkatkan” bagi objek budaya yang tertentu (P2, Perkara 11). Perlindungan dipertingkatkan ini diberikan oleh Jawatankuasa Perlindungan Harta Benda Budaya dalam Konflik Bersenjata (Jawatankuasa), atas permintaan atau syor daripada Negara-Negara Pihak, Jawatankuasa Antarabangsa Perisai Biru atau pertubuhan bukan kerajaan yang lain dengan kepakaran yang relevan. Harta benda budaya di bawah perlindungan dipertingkatkan ditempatkan dalam “Senarai Harta Benda Budaya di bawah Perlindungan Dipertingkatkan” (Senarai), yang diwujudkan, diselenggarakan dan dipromosikan oleh Jawatankuasa (P2, Perkara 27).

### *Kriteria Perlindungan*

Untuk mendapat perlindungan dipertingkatkan, harta benda budaya harus memenuhi tiga kriteria yang berikut (P2, Perkara 10):

1. ia adalah warisan budaya yang paling penting bagi umat manusia;
2. ia dilindungi oleh langkah-langkah domestik yang mengiktiraf budaya dan nilai sejarahnya dan memastikan tahap perlindungan yang tertinggi;
3. ia tidak digunakan untuk tujuan ketenteraan atau untuk melindungi kawasan ketenteraan, dan Pihak yang mempunyai kawalan terhadap harta tersebut telah mengakui secara formal bahawa ia tidak akan digunakan dengan cara sedemikian.

Protokol Kedua kepada CCP menyediakan suatu sistem ‘perlindungan dipertingkatkan’ bagi objek harta benda budaya tertentu.

### *Perlindungan*

Pihak-Pihak yang memegang harta benda dalam Senarai tidak boleh menggunakan harta benda tersebut atau kawasan sekitarnya untuk menyokong suatu tindakan ketenteraan (P2, Perkara 12). Tiada pengecualian bagi kewajiban ini.

Negara-Negara Pihak kepada Konvensyen ini juga harus menahan diri daripada serangan terhadap harta benda dalam Senarai (P2, Perkara 12).

### *Pengecualian*

Kewajipan untuk tidak menyerang harta benda dalam Senarai tidak timbul sekiranya harta benda tersebut, oleh sebab penggunaannya, menjadi objektif ketenteraan. Serangan hanya dibenarkan jika itu adalah satu-satunya cara yang boleh menamatkan penggunaan sedemikian dan jika langkah berjaga-jaga diambil untuk meminimalkan kerosakan kepada harta benda. Amaran awal yang berkesan hendaklah diberikan apabila keadaan mengizinkan (P2, Perkara 13).

## **LANGKAH-LANGKAH DAN MEKANISME UNTUK MENGGALAKKAN PELAKSANAAN DAN MEMASTIKAN PEMATUHAN**

Konvensyen dan Protokol Kedua mengandungi beberapa langkah dan mekanisme untuk menggalakkan pelaksanaannya dan memastikan peruntukan-peruntutannya dipatuhi. Beberapa daripadanya mungkin memerlukan penerimapaikain perundangan domestik.

### ***Kewajipan Melaporkan***

Negara-Negara Pihak hendaklah membuat, sekurang-kurangnya sekali setiap empat tahun, laporan yang mengandungi maklumat tentang langkah-langkah yang telah diambil, disediakan, atau dipertimbangkan dalam memenuhi Konvensyen ini. (CCP, Perkara 26(2)).

Negara-Negara Pihak hendaklah membuat, sekurang-kurangnya sekali setiap empat tahun, laporan yang mengandungi maklumat tentang langkah-langkah yang telah diambil, disediakan, atau dipertimbangkan memenuhi Konvensyen ini yang diserahkan kepada Ketua Pengarah UNESCO.

Laporan-laporan ini hendaklah diserahkan kepada Ketua Pengarah UNESCO. Kewajipan melaporkan ini juga diperuntukkan dalam Perkara 37 (2) Protokol Kedua, yang menghendaki Negara-Negara Pihak menyerahkan kepada Jawatankuasa, setiap empat tahun, satu laporan tentang pelaksanaan Protokol ini. Penyerahan ini dilakukan melalui Sekretariat UNESCO. Secara praktikalnya, Negara-Negara Pihak Protokol Kedua boleh menggabungkan laporan mereka tentang Konvensyen dengan Protokol ini dan menyerahkan satu laporan keseluruhan kepada Jawatankuasa; walau bagaimanapun, pelaksanaan kewajipan melaporkan sebegini jarang berlaku.

### ***Tanggungjawab dan bidang kuasa jenayah***

Negara-Negara Pihak kepada Konvensyen ini hendaklah mengambil semua langkah yang perlu untuk mendakwa dan mengenakan hukuman terhadap semua orang yang melanggar peruntukan-peruntutannya (CCP, Perkara 28)

Negara-Negara Pihak kepada Protokol Kedua hendaklah memastikan bahawa tingkahlaku berikut menjadi suatu kesalahan jenayah dibawah undang-undang domestik (P2, Perkara 15):

1. menjadikan harta benda budaya di bawah perlindungan dipertingkatkan sebagai objek serangan;
2. menggunakan harta benda budaya di bawah perlindungan dipertingkatkan atau kawasan sekitarnya untuk menyokong tindakan ketenteraan;
3. pemusnahan atau pengambilan harta benda budaya yang dilindungi secara meluas;
4. menjadikan harta benda budaya yang dilindungi sebagai objek serangan;
5. pencurian, rampasan atau penyelewengan, atau sebarang tindakan vandalisme terhadap harta benda budaya yang dilindungi

Setiap Negara Pihak hendaklah juga memastikan bahawa undang-undangnya menetapkan bidangkuasa jenayah untuk membicarakan dan memutuskan kesalahan-kesalahan tersebut apabila ia dilakukan di wilayahnya, apabila tertuduh yang didakwa itu berkerakyatan Negara itu, dan – berhubung dengan tiga kesalahan pertama – apabila tertuduh yang didakwa berada di dalamnya wilayahnya (P2, Perkara 16).

### ***Penyebaran***

Negara-Negara Pihak kepada Konvensyen 1954 dan Protokol-Protokolnya hendaklah menyebarkan maklumat tentang peruntukan-peruntukan triti-triti tersebut dengan seluas mungkin, berusaha untuk mengukuhkan penghargaan dan penghormatan terhadap harta benda budaya dalam kalangan populasi am (CCP, Perkara 25; P2, Perkara 30). Usaha-usaha yang khusus juga hendaklah dilakukan untuk menyebarkan maklumat tersebut di kalangan angkatan tentera dan kakitangan awam yang terlibat dalam perlindungan harta benda budaya.

Negara-Negara Pihak kepada Konvensyen hendaklah mengambil semua langkah yang perlu untuk mendakwa dan mengenakan hukuman terhadap semua orang yang melanggar peruntukan-peruntutannya.

Maklumat lebih lanjut tentang perlindungan harta benda budaya dalam peristiwa konflik bersenjata boleh didapati di laman web UNESCO: <http://www.unesco.org/new/en/culture/themes/armed-conflict-and-heritage/>



## MISI

Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (International Committee of the Red Cross [ICRC]) adalah suatu pertubuhan saksama, berkecuali dan bebas yang mana misi eksklusifnya adalah untuk melindungi nyawa dan maruah mangsa konflik bersenjata dan situasi keganasan yang lain dan memberi mereka bantuan. ICRC juga berusaha untuk mengelakkan penderitaan dengan mempromosikan dan memperkuat undang-undang kemanusiaan dan prinsip kemanusiaan sejagat. Ditubuhkan pada tahun 1863, ICRC berada pada asal-usul Konvensyen-Konvensyen Geneva dan Pergerakan Palang Merah Bulan Sabit Merah Antarabangsa. ICRC mengarahkan dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti antarabangsa Pergerakan dalam konflik bersenjata dan situasi keganasan yang lain.

 @ICRCmy  
 @ICRC\_my  
 [www.icrc.org](http://www.icrc.org)



ICRC

Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah  
Unit 50-11-1, Tingkat 11, Wisma UOA Damansara  
No. 50 Jalan Dungun, Damansara Heights  
50490 Kuala Lumpur, Malaysia.  
T 03-2084 1800  
Email : [kua\\_kualalumpur@icrc.org](mailto:kua_kualalumpur@icrc.org)  
© January 2022